

LAPORAN SOKONGAN SUMBER KEWANGAN

1. Tujuan

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang pendapatan dan perbelanjaan peruntukan kewangan UPM bagi Januari sehingga Disember 2017 dan strategi tahun 2018.

2. Pendapatan dan Perbelanjaan 2017

Bagi tahun 2017, UPM telah menerima RM439.49 juta geran kerajaan bersamaan 71.53% daripada keseluruhan keperluan belanja mengurus UPM berjumlah RM614.43 juta meliputi perbelanjaan emolumen (71.28%), perkhidmatan dan bekalan (25.55%), aset (0.67%), pemberian kenaan tetap (2.05%) dan perbelanjaan-perbelanjaan lain (0.43%). Baki keperluan mengurus dengan jumlah RM174.94 juta ditampung menggunakan sumber dalaman universiti yang terdiri daripada pelbagai yuran, faedah dan dividen, pelbagai sewa dan lain-lain pendapatan. Jumlah pendapatan dan perbelanjaan UPM bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 1**.

Jadual 1 : Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus UPM 2017

	RM (juta)	RM (juta)
<u>Pendapatan</u>		
Geran kerajaan yang diterima	439.49	
Sumber Dalaman	174.94	
Jumlah Pendapatan		614.43
<u>Perbelanjaan</u>		
Emolumen	437.82	
Perkhidmatan dan Bekalan	156.97	
Aset	4.10	
Pemberian dan kenaan tetap	12.59	
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	2.65	
Jumlah perbelanjaan		614.43

Selain daripada peruntukan mengurus, UPM turut menerima geran penyelidikan untuk menjalankan projek-projek penyelidikan di samping menampung perbelanjaan-perbelanjaan penyelidikan yang berkaitan seperti penyelenggaraan (termasuk kalibrasi) dan lain-lain keperluan penyelidikan. Bagi tahun 2017, UPM telah menerima secara keseluruhannya RM90.76 juta geran penyelidikan berdasarkan pecahan di **Jadual 2** dan membelanjakan 94.48 juta bagi tujuan penyelidikan. Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Geran Penyelidikan bagi tahun 2017 adalah sebagaimana **Jadual 2**.

Jadual 2 : Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Geran Penyelidikan UPM

	RM (juta)	RM (juta)
<u>Pendapatan</u>		
Geran kerajaan yang diterima	79.48	
Geran bukan kerajaan	8.45	
Pendapatan lain-lain	2.83	
Jumlah Pendapatan		90.76
<u>Perbelanjaan</u>		
Bekalan dan bahan-bahan	35.05	
Penyelenggaraan dan pembaikan	5.65	
Perkhidmatan ikhtisas	53.78	
Jumlah perbelanjaan		94.48

3. Strategi Tahun 2018

Bagi tahun 2018, terdapat peningkatan geran kerajaan yang diterima oleh UPM berbanding tahun 2017 sebanyak RM16.51 juta menjadikan jumlah geran kerajaan yang diterima RM456 juta. Jumlah ini menyumbang 72.04% daripada keperluan sebenar perbelanjaan mengurus UPM iaitu RM633 juta. Baki keperluan mengurus berjumlah RM177 juta akan ditampung menggunakan sumber dalaman universiti terdiri daripada pelbagai yuran RM66 juta, faedah simpanan tetap RM29 juta, dividen anak syarikat RM2 juta, pelbagai pendapatan RM7.5 juta, dan hasil ladang RM1.5 juta yang menyumbang secara keseluruhannya RM106 juta sebagaimana **Jadual 3**.

Jadual 3 : Penyata Pendapatan Mengurus Bagi Tahun 2018

	RM (juta)	RM (juta)
<u>Pendapatan</u>		
Geran kerajaan yang diterima	456	
Sumber Dalaman	177	
Jumlah Pendapatan (Keperluan Mengurus)		633
<u>Sumber Dalaman Mengurus</u>		
Yuran	66	
Simpanan Tetap	29	
Dividen Anak Syarikat	2	
Pelbagai Pendapatan	7.5	
Hasil Ladang	1.5	
Jumlah Pendapatan Sumber Dalaman		106
GAP/ Sumber Dalaman Perlu Dijana		71

Manakala bagi *gap* berjumlah RM71 juta, 5 inisiatif telah dikenal pasti bagi membantu universiti menjana pendapatan yang diperlukan. Inisiatif ini melibatkan pelaksanaan program dan usaha di semua peringkat pusat tanggungjawab di UPM sebagaimana **Jadual 4.**

Jadual 4 : Inisiatif 2018

PROGRAM	KUANTITI	RM	TINDAKAN
T20	16 fAKULTI = 350 PELAJAR	2.10 juta	Semua fakulti
<i>Short courses</i>	16 fakulti = 1 jabatan 1 kursus/seminar 20 ptj lain	2.56 juta	Semua PTJ
Tambahan bilangan pelajar Antarabangsa	KPI KPT 4,000 orang Sedia ada 3,464 orang	2.84 juta	SGS & Bahagian Akademik
Summer School	1 program 1 fakulti	0.5 juta	Putra Antarabangsa / Fakulti
Penjimatan kos/inisiatif lain untuk tampung GAP	10% x kos PTJ	63 juta	Semua PTJ
Jumlah		71 juta	